



MOHD. MOKHTAR ARSHAD (dua kiri) meninjau sesi pembelajaran dalam kalangan mahasiswa di FPV, UMK.



BANGUNAN Fakulti Perubatan Veterinar, UMK.

Bukan sekadar jadi doktor veterinar

Oleh **ASMA HANIM MAHMOOD**

PENUBUHANNYA di Pengkalan Chepa pada tahun 2009 menjadikan Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) fakulti kedua seumpamanya di negara ini selepas Universiti Putra Malaysia (UPM).

FPV UMK biarpun masih 'muda' tetapi berdiri gagah dan setanding dalam kurikulum perubatan veterinar, tenaga akademik dan fasiliti pengajaran serta pembelajaran yang terbaik termasuk Klinik Veterinar, makmal termoden menepati piawaian Majlis Veterinar Malaysia (MVC) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Malah, elemen keusahawanan yang merupakan teras di UMK adalah satu kelebihan yang memupuk sikap dan nilai amat relevan kepada bakal-bakal doktor veterinar untuk lebih menjadi kreatif, inovatif serta kental menghadapi cabaran zaman selain mencapai matlamat menjadi pencipta peluang pekerjaan.

Menurut Dekan FPV UMK, Prof. Madya Dr. Mohd Mokhtar Arshad, demi menjamin kualiti, pihaknya terpaksa menolak permohonan ramai calon yang layak untuk menyambung pengajian di situ kerana fakulti itu hanya mampu mengambil maksimum 40 pelajar baharu setahun berikutan kekangan ruang dan tenaga pengajar.

Beliau berkata, tindakan itu diambil supaya tidak bercanggah dengan piawaian MVC dan MQA.

Namun ujarnya, keadaan itu dijangka berubah dalam tempoh tiga

hingga empat tahun apabila kompleks FPV yang lebih besar di Bachok siap iaitu projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

"FPV akan membina Klinik Veterinar keduanya bernilai RM2.6 juta di UMK Kampus Bachok yang dijangka beroperasi pada bulan September ini untuk kemudahan pelajar menjalani pengajian dan latihan klinikal selain memberi perkhidmatan kesihatan haiwan kepada masyarakat.

"Setakat ini, kita memiliki sebuah Klinik Veterinar di Jalan Padang Tembak bernilai RM7 juta lengkap dengan pelbagai kemudahan moden termasuk Dewan Pembedahan, kemudahan x-ray dan *ultrasound* yang beroperasi sejak tahun 2013 bagi tujuan pembelajaran pelajar, perkhidmatan kepada orang awam dan klinik rujukan kepada doktor veterinar swasta dan kerajaan.

"Apa yang menarik, walaupun lebih kurang 80 peratus pelajar adalah perempuan tetapi mereka berani seperti pelajar lelaki dan tidak gentar berdepan dengan haiwan dan suasana ladang yang lasak," katanya di Kampus Kota UMK, baru-baru ini.

Mohd. Mokhtar berkata, mempunyai sebuah fakulti veterinar di negeri Kelantan adalah satu lagi kelebihan FPV UMK kerana pelajar berpeluang mendekati golongan peladang dan penternak serta mudah turun ke lapangan untuk memahami masalah penternakan haiwan yang penting dalam industri makanan negara.

Justeru katanya, tidak hairanlah apabila empat pelajar tahun akhir dipilih Persatuan Perubatan Veteri-

nar Thailand untuk membuat pembentangan penyelidikan mereka pada Persidangan Sains Veterinar Antarabangsa 2015 pada bulan November.


"Pihak penganjur memilih dua penyelidikan pelajar kita untuk dibentangkan iaitu 'Teknik Pembedahan dan Memulihkan Tulang Patah Pada Anjing Baka Kecil' dan 'Teknik Mengesan Berahi Pada Haiwan Ternakan untuk Tujuan Pembinaan'," katanya.

Katanya, kecemerlangan pelajar FPV UMK juga turut diakui dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan kepimpinan malah mempunyai wakil dalam Persatuan Pelajar Veterinar Antarabangsa. Pelajar tersebut dipilih mengetuai Exco Perhubungan Awam.

Beliau berkata, pada tahun lalu, FPV UMK berjaya melahirkan 38 graduan sulung bergelar doktor veterinar dan telah berkhidmat dalam pelbagai lapangan termasuk agensi kerajaan dan swasta selain dua daripadanya menyambung khidmat sebagai pensyarah muda di UMK dan melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Jelasnya, pada konvokesyen UMK tahun ini, seramai 31 lagi graduan akan menerima kelulusan doktor perubatan veterinar, manakala seorang graduan menerima sarjana sains (Fisiologi).

"Pihak industri datang sendiri ke FPV UMK menemuduga pelajar tahun akhir kerana mereka yakin selain ilmu perubatan veterinar, pelajar kita istimewa kerana memiliki ciri-ciri inovatif dan kreatif lebih lagi apabila perlu menyempurnakan 12 jam kredit kursus keusahawanan selama lima tahun belajar di sini," katanya.



MOHD MOKHTAR ARSHAD